



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisypop: Bisypop Datuk Melter Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Paskah 4 - 21 April 2024

Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, Anak-Mu Yesus Kristus adalah kebangkitan dan hidup bagi semua yang menaruh kepercayaan di dalam Dia; bangkitkanlah kami daripada maut dosa kepada hidup kebenaran; supaya kami akan mencari hal yang dari syurga, di mana Dia memerintah dengan Engkau dan Roh Kudus, satu Allah, sekarang dan selamanya. Amin



Inilah perintah-Nya: percaya akan nama Yesus Kristus, dan saling mengasihi - 1 Yohanes 3:23

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.:**

- YouTube: [https://www.youtube.com/](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit
dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

1. KAMI MENYAMBUT ANDA

Kami amat mengalu-alukan kehadiran saudara-saudari ke dalam keluarga gereja Kristian, untuk peribadi berikut yang dibaptiskan pagi ini, di Kebaktian BM:

- Alaeya Zanna Xabella Douglas - anak perempuan Douglas dan Aldrina.
- Aldrich Fitzgerald Alvin - anak lelaki Alvin dan Friska.
- Elvina Anak Ericson - anak perempuan Ericson dan Laina.
- Eddie Anak Julius - anak lelaki Julius dan Carstina.

2. SELAMAT BERGABUNG


Kami menyambut beberapa anak muda yang menyertai pasukan staf gereja untuk belajar tentang pelayanan gereja. Mereka baru sahaja menamatkan pengajian dan sedang menyusun langkah seterusnya dalam perjalanan dan pembangunan peribadi mereka. Peribadi dimaksudkan ialah Diego Samuel, Connie Ricet dan McJill Tay. Berdoalah bagi mereka, dan berikan mereka galakan.

3. MUSIM PASKAH

Kita meneruskan pelajaran kita tentang 'kebangkitan komuniti'. Komuniti ini lebih dikenali sebagai 'gereja', merupakan kesan ketara dari kebangkitan Yesus Kristus. Ia bermula dengan 120 murid Yesus pada hari Pentakosta. Ia perlahan-lahan, tetapi secara berterusan dan pasti, lalu berkembang menjadi komuniti di seluruh dunia.

Berdasarkan surat 1 Yohanes, judulnya adalah:

- 7 April: Persekutuan - 1 Yohanes 1:5-2:2
- 14 April: Kebenaran - 1 Yohanes 3:1-7
- 21 April, hari ini: Ketaatan - 1 Yohanes 3:16-akhir
- 28 April: Keberanian - 1 Yohanes 5:1-6
- 5 Mei: Keyakinan - 1 Yohanes 5:9-13
- 12 Mei, Hari Ibu: Kasih - 1 Yohanes 4:7-akhir
- 19 Mei, Pentakosta: Kuasa



4. KONFERENSI BELIA

Sudah hampir 170 belia dari seluruh diosis yang telah mendaftar untuk Konferensi Belia BI & BC ini; termasuklah 10 dari gereja kita. Beberapa sesi dibuka untuk penyertaan semua. Antaranya ialah:

- 30 April, Selasa, Katedral All Saints, 7:30 malam - Sesi 1 - Penceramah: Bishop Melter Tais

- 1 Mei, Rabu, Katedral All Saints, 7:30 malam - Sesi 3 - Penceramah: Bishop Kenneth Thien
- 2 Mei, Khamis, Dewan Hakka, 6:00 petang - Makan Malam Mewah. Tiket tersedia berharga RM120/- untuk satu tiket. Sila dapatkan informasi di meja layanan jemaat kami.

5. KHEMAH MUDA-MUDI DIOSIS

28-30 Mei - Kem Muda-mudi BC & BI, di Sekolah Visi, Tawau. Dibuka untuk pendaftaran. RM135 seorang (termasuk makanan dan penginapan). Marilah kita menggalakkan penyertaan sebaik mungkin dari gereja kita.

6. PROJEK 'LABUR'

Projek ini adalah untuk membina sebuah penginapan tambahan untuk staf gereja kita. Tapak telah ditanda. Sila lihat, di sekitar Pavilion. Sementara itu, usaha mengumpul dana tetap diteruskan:

- Diperlukan - RM600,000/-
- Minggu lepas - RM3,190/-
- Jumlah sehingga kini - RM18,230/-


7. PELAYANAN-PELAYANAN LAIN

- MESYUARAT BELIA BI - hari ini, 1:00 petang.
- PERJAMUAN KUDUS RUMAH - Khamis ini, 25 April. 8:00 pg - Kebaktian Perjamuan Kudus. 9:00 pg - kunjungan ke rumah-rumah.
- ACARA STS - di Seminari Teologi Sabah:
 - 14-16 Mei, 7:30 mlm - pelbagai bengkel muzik
 - 17 Mei, 7:30 mlm - konsert muzik mini dan koir (masuk percuma).

8. TATACARA MENERIMA PERJAMUAN KUDUS

Semua orang dialu-alukan untuk maju ke hadapan semasa waktu Perjamuan Kudus. Kami memberikan Perjamuan Kudus hanya kepada mereka yang telah 'ditetapkan'. Jika anda belum 'tetap', anda juga dialu-alukan untuk maju dan menerima pelayanan doa. Sila nyatakan kepada Pemimpin Awam:

- untuk menerima Perjamuan Kudus - angkat kedua-dua telapak tangan anda, dalam bentuk silang;
- untuk menerima doa sahaja - kepalkan kedua-dua tangan anda, dan angkat dalam bentuk berdoa.



UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN

RHB Bank | 2-10103-0001913-1

Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



Tanda-tanda 'Kebangkitan Komuniti '

KETAATAN

"Barangsiapa menuruti segala perintah-Nya, ia diam di dalam Allah dan Allah di dalam dia" - Yohanes 3:24

Untuk renungan dan perbincangan:

1. Semasa kita masih berada di sekolah, terdapat banyak peraturan. Mana satu peraturan yang anda TIDAK suka?
2. Baca 1 Yohanes 3:22. *'apa saja yang kita minta, kita memperolehnya dari pada-Nya'*. Bolehkah kita meminta kesihatan dan kekayaan? Mengapa ya atau mengapa tidak? Bagaimana kita pasti bahawa Tuhan mendengar doa kita? Lihat juga Mazmur 66:18, Yakobus 4:3 dan Matius 6:33.
3. Baca 1 Yohanes 3:23. Apakah yang dimaksudkan dengan 'percaya' di dalam Yesus? Bagaimana kita boleh saling mengasihi? Lihat juga ay16-17. Berikan beberapa contoh situasi. Bagaimana pula gereja kita boleh menunjukkan kasih kepada satu sama lain?
4. 1 Yohanes 3:24. Apakah yang dimaksudkan dengan 'diam' di dalam Tuhan? Dan Tuhan di dalam kita? Baca juga Yohanes 15:4 & 7. Bagaimanakah kita boleh menggalakkan satu sama lain untuk terus berdiam di dalam Tuhan?
5. Mentaati Tuhan boleh menjadi sukacita atau beban. Bagaimana kita dapat menikmati ketaatan kita kepada Tuhan? Bila masa kita mentaati-Nya menjadi beban?
6. Pada peringkat perjalanan rohani anda sekarang, adakah anda mendapati bahawa mentaati Tuhan adalah suatu sukacita, beban, tiada rasa apa-apa? Kongsikan pengalaman anda. Lalu, berdoalah antara satu sama lain.

UNTUK DIDOAKAN

Dunia kita yang tercinta

- berdoa untuk keamanan; terutama situasi di Timur Tengah [agar pemimpin-pemimpin negara menggunakan akal sihat dan pengawalan diri]

Masyarakat KK yang dikasihi

- berdoa untuk bandar raya yang bersih dan komuniti yang sihat [supaya kita hidup dalam suasana aman dan damai]

Diri sendiri

- berdoa untuk hati yang taat

[supaya kita belajar untuk lebih mengasihi antara satu sama lain]

- berdoa untuk mereka yang dalam kelemahan tubuh, minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.